

Sinar Harian 5/7/2020 m/s 38

Nelayan terima elaun lebih RM42j

Pemberian Elaun Sara Hidup Nelayan melibatkan lebih 168,000 penerima

Oleh ROSMIZA KASIM

TUMPAT

Kerajaan telah membelanjakan lebih RM42 juta bagi pembayaran Elaun Sara Hidup Nelayan di seluruh negara untuk tempoh sehingga Mei tahun ini melibatkan lebih 168,000 penerima.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, kerajaan melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sentiasa berusaha untuk mengubah taraf hidup nelayan supaya mereka keluar

daripada kemiskinan.

Menurutnya, kerajaan melalui LKIM telah melaksanakan pelbagai bentuk bantuan seperti Elaun Sara Hidup Nelayan, Bantuan Subsidi Diesel dan Petrol, Bantuan Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan, Baik Pulih Rumah dan sebagainya.

“Kerajaan mengakui bahawa nelayan berperanan besar dan penting dalam membekalkan sumber makanan negara. “Kerajaan tidak pernah mengabaikan mereka dan pelbagai bentuk bantuan serta sokongan termasuk inisiatif tertentu terus dilaksanakan sebagai galakan kepada kumpulan ini,” katanya kepada media di sini semalam.

Terdahulu, beliau menghadiri majlis perjumpaan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Bersama Nelayan Tumpat di Kompleks LKIM Geting di sini semalam.



Che Abdullah (tiga dari kiri) menyerahkan pukat kepada salah seorang nelayan menerusi Program Rezeki Tani di Kompleks LKIM, Tumpat semalam.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan LKIM, Kusuadi Salih, Setiausaha Dasar dan Perancangan Strategik MOA dan Pengarah Bahagian Pembangunan Masyarakat dan Pertubuhan Nelayan LKIM, Rashima Baha-

rudin.

Mengulas lanjut, Che Abdullah berkata, pada tahun lalu, lebih RM88 juta disalurkan kepada 40,000 penerima Elaun Sara Hidup Nelayan di seluruh negara.

Pada majlis sama, Che Ab-

dullah menyerahkan bantuan peralatan menangkap ikan sekepada lima penerima di kawasan Tumpat menerusi Program Rezeki Tani.

Beliau turut menyampaikan bantuan Bencana Alam dan Kebajikan kepada tiga waris nelayan berjumlah RM1,000 setiap seorang.

Sementara itu, seorang penerima, Sudin Ismail, 57, berkata, beliau berterima kasih kepada MOA kerana memberikan peralatan menangkap ikan yang baharu.

“Saya selalu terfikir macam mana hendak gantikan pukat jerut lama yang sudah cari. Alhamdulillah, dengan bantuan kerajaan ini saya boleh tukarkan pukat yang sudah berusia 20 tahun itu.

“Bolehlah kami 15 sekanwan turun ke laut dengan perkakas yang baharu dan mudah-mudahan bertambahlah rezeki kami,” katanya.